

Headline	KPDNHEP kesan 171 kes salah laku peniaga		
MediaTitle	Harian Metro (Utara)		
Date	04 Jun 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	4,701
Page No	36	Readership	14,103
Language	Malay	ArticleSize	228 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,693
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,079



KPDNHEP kesan 171 kes salah laku peniaga

Ipoh: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesan 171 kes membabitkan pelbagai kesalahan dilakukan peniaga di seluruh negara sepanjang pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sejak 21 Mei lalu.

Timbalan Pengarah Penguatkuasa (Pencegahan dan Perisikan) KPNDHEP Putrajaya Suhaimi Mat Sari berkata, pihaknya sudah menjalankan pemeriksaan terhadap 32,565 premis perniagaan di seluruh negara bermula 21 Mei hingga kelmarin.

Katanya, hasil pemeriksaan terhadap premis berkenaan berjaya mengesan 171 kes membabitkan jumlah rampasan bernilai RM18,416.75 dengan kesalahan paling tinggi adalah gagal mempamerkan tanda harga khas

“Jumlah kompaun dikenakan terhadap semua kes berkenaan adalah



SUHAIMI (tiga dari kanan) membuat tinjauan sempena Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2019 di Pasar Besar Ipoh, semalam.

RM20,895.

“Tumpuan pemeriksaan adalah di pasar awam, pasar pagi dan pasar tani,” katanya dalam sidang media selepas tinjauan SHMMP sempena Hari Raya Puasa 2019 di Pasar Besar Ipoh, di sini, semalam.

Beliau berkata, berdasarkan pecahan mengikut negeri, Johor merekodkan kes paling tinggi sepanjang tempoh itu dengan 47 kesalahan diikuti Kelantan 24 kes dan Selangor sebanyak 21 kes.

“Kesalahan paling tinggi dikesan adalah kegagalan

peniaga menggunakan tanda harga khas dengan jumlah sebanyak 145 kes.

“Bagi kesalahan tiada tanda harga, sebanyak 21 kes dikesan manakala bagi kesalahan melebihi harga maksimum, sebanyak lima kes dikesan,” katanya.